

Koma didera kekasih ibu

B/H 20/7/12
MS 14.

» *Suspek dipercayai pukul bayi ketika wanita keluar bekerja*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Nik Sukry Ramli
bhnews@bharian.com.my

Kuantan

Seorang bayi lelaki berusia lapan bulan koma dengan kecederaan di kepala, badan dan perut dipercayai didera teman lelaki ibunya.

Difahamkan kejadian berlaku Isnin lalu ketika ibu mangsa berusia 22 tahun keluar bekerja dan meninggalkan Muhammad Adam Mikail Abdullah bersama lelaki berusia 19 tahun di sebuah bilik disewa di Jalan Wong Ah Jang, di sini.

Adam dalam keadaan kritikal selepas dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Kanak-ka-

nak (PICU) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), kira-kira jam 11 pagi kelmarin, manakala laporan polis hanya dibuat ibunya, Nurhidayah Ahmad, jam 10 malam kelmarin di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di sini.

Pemangku Timbalan Ketua Polis Daerah Kuantan, Deputy Superintendan Azmi Jaafar, berkata sejam selepas laporan dibuat, polis menahan seorang lelaki berusia 19 tahun, di bandar ini yang mana ujian air kencing mendapati dia positif syabu.

Doktor melakukan pembedahan ke atas mangsa awal pagi semalam, dipercayai bagi membuang darah beku di kepalanya selain pemeriksaan lanjut pada hati dan usus berikutan kesan lebam teruk di bahagian perutnya.

“Siasatan lanjut masih diteruskan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2010,” kata Azmi.

Sementara itu, Nurhidayah berkata, beliau tidak menyangka teman lelaki dikenali lebih setahun itu sanggup ber-

“*Saya bertanyakan suspek, dia menjawab tidak tahu dan menyalahkan saya kerana memberi Adam makan kerang beberapa jam sebelum keluar bekerja*”

Nurhidayah Ahmad,
Ibu mangsa

sikap seperti binatang apabila memukul dan mendera anaknya yang ditinggalkan bersamanya suspek kira-kira jam 8 malam Isnin.

“Saya keluar bekerja di tapak ekspo di depan Terminal Makmur dan pulang ke bilik sewa sekitar jam 3 pagi. Saya kemudian lihat Adam seperti lemah sebelum dia muntah. Saya bertanyakan suspek, dia menjawab tidak tahu dan menyalahkan saya kerana memberi Adam makan kerang beberapa jam sebelum keluar bekerja.

“Tidak lama kemudian, keadaan Adam semakin teruk dan mukanya pucat sebelum saya mendapati beberapa kesan lebam pada badannya, malah kepalanya juga terasa lembik. Saya kemudian segera membawa Adam ke HTAA,” katanya.